



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**  
**Shaping the Future**

E-ISSN: 2682-7948

# Buletin APB

## EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN



# Festival Bahasa Arab dan Pameran Jualan Pelajar UiTM

**MOHD ISLAH MOHD YUSOF, NUR HAKIMAH MD. SALLEHUDDIN,  
& KAMARUZAMAN ZALI @ GHAZALI**  
UiTM KAMPUS SEREMBAN

Satu Festival Bahasa Arab telah dijalankan selama 5 hari bermula pada 15 hingga 19 Mei 2023. Aktiviti ini telah berlangsung dari jam 10 pagi hingga 5 petang di UiTM Kampus Seremban. Seramai lebih kurang 1000 orang pelajar UiTM Kampus Seremban telah terlibat merangkumi para peserta, AJK dan Exco Kelab Nadi Bahasa Arab. Selain itu, 16 orang pensyarah telah dilantik sebagai juri dan 3 orang pensyarah telah dijemput untuk menjayakan ceramah yang dianjurkan. Ahli Kelab Nadi Bahasa Arab dengan kerjasama Pensyarah Bahasa Arab telah memberikan komitmen yang sangat tinggi dalam merealisasikan program ini dan ternyata program ini berlangsung dengan jayanya walaupun baru julung kali diadakan.

Festival ini terbahagi kepada 2 kategori utama, iaitu aktiviti pertandingan Bahasa Arab seperti syarahan bahasa Arab, tulisan khat, ejaan kalimah arab dan jawi, memasak makanan Arab, explorace, dan pembentangan video kreatif. Di samping itu juga, terdapat ceramah berkaitan Kaedah Pembelajaran Bahasa Arab menggunakan teknologi dan aplikasi dan juga ceramah dari Unit Kaunseling berkaitan kesihatan mental. Bagi kategori kedua pula adalah Ekspo Jualan dan Pameran Pelajar dan Kelab Persatuan pelajar UiTM Kampus Seremban dengan pembukaan 16 kiosk di Pusat Kegiatan Pelajar.



Selain itu, para pelajar juga telah didedahkan dengan kemahiran bahasa melalui pertandingan-pertandingan yang telah dijalankan. Program sebegini nyata hebat dan mempunyai impak yang sangat positif kerana telah berjaya menarik minat para pelajar untuk menyertai Kelab Nadi Bahasa Arab dengan terdapat pertambahan dari segi pendaftaran ahli setelah program berakhir.

